

~~261~~
~~29/79~~

33

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN OMI,
TINDALAN PERDANA MENTERI BAGI
MENGEMUKAKAN PINDAAN RANG UNDANG-
UNDANG LEMBAGA PADI & BERAS NEGARA
DI DEWAN RAKYAT PADA HARI ISNIN,
21HB JANUARI, 1974.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Padi dan Beras Negara, 1971," dibaca bagi kali yang keduanya.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Dalam masa setahun yang lepas, kita semua telah menyaksikan dan mengalami perkembangan yang besar dalam perusahaan padi dan beras baik di dalam mahupun di luar negara kita. Perkembangan ini bermula apabila cuaca buruk telah menimpa banyak negara-negara pengeluar

dan pengguna beras. Dalam masa itu, keadaan pasaran dunia yang biasanya dibanjiri oleh beras dengan harga murah, telah bertukar menjadikan beras sebagai bahan yang sukar didapati, walaupun dengan harga yang tinggi.

3. Kita bernasib baik kerana negara kita tidak ditimpa oleh cuaca yang buruk itu. Tetapi, keadaan tenet di pasaran antarabangsa, dan kesukaran makanan di negara-negara lain, telah membawa kesan-kesan yang tidak sihat di negara kita. Ramai peniaga-peniaga padi dan beras tempatan telah membuat spekulasi dengan menyorok dan menyimpan bekukan padi dan beras kerana menunggu harga naik. Ada di antara mereka yang menyeludup atau cuba menyeludup beras keluar negara oleh kerana harga yang mahal di negara-negara tetangga.

Sementara itu, pengguna-pengguna telah berlumba-lumba membeli beras lebih daripada biasa. Perbuatan-perbuatan seperti ini telah menaikkan harga beras di pasaran tempatan.

4. Keadaan ^{seperti ini} ~~seperti ini~~, di pasaran beras antarabangsa dan juga tempatan adalah diluar dugaan pakar-pakar makanan dalam atau pun luar negeri. Sungguhpun pada masa ini keadaan telah bertambah baik tidaklah ada kemungkinan bahawa harga beras antarabangsa dan tempatan kembali keperingkat lama. Ini ialah kerana faktor-faktor lain yang juga diluar dugaan telah timbul. Faktor-faktor ini ialah inflasi, krisis minyak dan masalah perkapalan.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Lembaga Padi dan Beras Negara telah ditubuhkan ketika pasaran beras antarabangsa dibanjiri oleh beras dengan harga yang sangat murah dibandingkan dengan harga beras di pasaran tempatan. Di masa itu, dan sebelumnya, kita menghadapi masalah pengeluaran padi dan beras yang semakin banyak menyebabkan harga padi semakin merosot disamping mencegah penyeludupan beras murah ke negara kita.

6. Tujuan dan tugas asal LPN, seperti yang termaktub dalam Aktanya, adalah untuk melindungi kepentingan penanam padi dan pengguna beras. Dengan berlakunya kekurangan beras yang dibuat-buat, pada tahun lepas, adalah ^{lebih} mustahak Akta LPN

diperkemas memberikan kuasa tambahan untuk membolehkannya bertindak dengan lebih tegas dan berkesan bagi melindungi petani-petani dan pengguna-pengguna beras, dalam apa juga keadaan yang mungkin timbul di masa akan datang.

7. Kuasa tambahan yang diintikan itu termasuklah:

- (1) Kuasa menetapkan harga padi atau beras, menghadkan jumlah padi atau beras yang boleh distapan oleh mana-mana gulungan orang, mengambil setok padi atau beras dengan bayaran pampasan, dan mengenakan catur;

(ii) Kuasa untuk menghendaki peniaga-peniaga memberi penyata-penyata mengenai padi atau beras, memeriksa buku-buku perniagaan mereka;

(iii) Kuasa memasuki apa-apa bangunan bila ada sebab-sebab yang menasabah, untuk menjalankan pemeriksaan, mengambil dan menahan benda-benda yang boleh memberi keterangan;

(iv) Peruntukan untuk menjadikan satu kesalahan bagi peniaga-peniaga menafikan secara palsu yang mereka ada beras atau dengan tidak berpatutan enggan menjual beras.

Tuan Yang Di Pertua,

8. Sekalipun kuasa yang diminta ini menggambarkan satu keadaan yang boleh diartikan sebagai luarbiasa, tetapi saya inginlah menjelaskan bahawa kuasa-kuasa ini adalah untuk persediaan sahaja bagi menghadapi keadaan tertentu.


9. Disamping itu, saya juga ingin memberi jaminan kepada semua pihak, penanam padi, pengilang padi dan semua gulungan yang terlibat bahawa kerajaan hanya akan menjalankan kuatkuasa undang-undang ini dengan penuh adil dan dalam beberapa hal apabila keadaan memerlukan. Saya rasa tidak harus timbul sebarang rasa bimbang, curiga dan sebagainya.

Sebaliknya, bagi semua golongan yang meletakkan kepentingan negara di atas kepentingan sendiri, tidaklah ada perkara yang patut dibiabangkan.

10. Saya juga berharap dengan kuatkuasa undang-undang ini, kita akan dapat menstabilkan kedudukan padi dan beras, demi kepentingan bersama.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mohon mencadangkan.





No Siri	585
No Penerimaan	95/79